



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 MAC 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Caj 20 sen dipantau | 36 |
| - KDEB bertanggung jawab urus sisa pepejal | 35 |

KOSMO

- | | |
|---|----|
| - PBT digesa pantau premis di bawah pentadbiran masing-masing | 02 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 MAC 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Caj 20 sen dipantau
Muka Surat	36

SH 29/3/17 N/S 36
Caj 20 sen dipantau

Digunakan untuk program-program pemuliharaan alam sekitar

SHAH ALAM - Kerajaan negeri akan mengadakan mesyuarat dan perjumpaan secara berkala bersama peniaga bagi memantau laporan penyuluran berkaitan kutipan caj 20 sen dalam kempen Bebas Plastik.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Elizabeth Wong berkata, pemantauan laporan penyuluran kutipan berkenaan termasuk laporan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak ketiga.

Beliau yang juga Adun Bukit Lanjan berkata, kerajaan negeri menggalakkan peniaga untuk menyalurkan kutipan caj 20 sen berkenaan bagi melaksanakan program-program pemuliharaan alam sekitar seperti pembersihan sungai atau pantai.

"Contohnya seperti yang dilakukan pasaraya Speedmart 99 yang menyumbang lebih kurang RM1 juta kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis

Perbandaran Klang (MPK) untuk program pembersihan Sungai Klang dan juga pasaraya Giant yang menjalankan alam sekitarnya sendiri yang dinamakan program Sentuhan Hijau.

"Bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan ke atas pelaksanaan ini pula, pihak kerajaan akan mengadakan pertemuan secara berkala dengan peniaga," katanya.

Elizabeth berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Haniza Mohamed Talha (PKR - Taman Medan) berhubung persoalan bagaimana kerajaan memastikan caj beg plastik disalurkan kepada badan kebajikan atau program kepenggunaan dalam Persidangan



ELIZABETH WONG

Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Selangor Ke-13 di Bangunan Dewan Undangan Negeri, semalam.

Katanya lagi, pada dasarnya, penyediaan alternatif beg kertas kepada pengguna bukanlah solusi tepat bagi mencapai objektif kempen berkenaan.

"Sebaliknya, langkah berkenaan akan menimbulkan masalah kekurangan sumber kerana penghasilan beg kertas sendiri memerlukan sumber tenaga yang banyak untuk dihasilkan selain tidak mudah terurai di tapak pelupusan.

"Begitu pun, kerajaan negeri tidak pernah sesekali melarang sekiranya peniaga membekalkan beg kertas sebagai alternatif kepada pengguna," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 MAC 2017 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KDEB bertanggung jawab urus sisa pepejal
Muka Surat	35

KDEB bertanggung jawab urus sisa pepejal

SH 29/3/17 MS 35

SHAH ALAM - Kerajaan negeri akan memperkenalkan KDEB Waste Management (KDEB) sebagai Syarikat Pengurusan Projek (PMC) yang bertanggungjawab sebagai pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung

Baharu dan Pemutihan Kilang Haram Ean Yong Hian Wah berkata, langkah penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal berkenaan bagi meningkatkan kecekapan operasi dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

"Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini di Majlis Perbandaran Klang (MPK), kerajaan negeri bersetuju meluluskan

perluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

"Langkah perluasan perkhidmatan ini menggunakan modus operandi yang sama selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri ber-konsepkan Smart City dan Smart State.

"Kerajaan negeri turut merancang untuk memperluaskan perkhidmatan PMC ke lain-lain pihak berkuasa tempatan (PBT) pada masa akan datang," katanya.

Ean Yong berkata demikian ketika menjawab soalan Ng Suee Lim (DAP - Sekinchan) berhubung perancangan secara holistik dan jangka panjang demi memastikan pengurusan sisa pepejal mencapai hasrat kerajaan negeri.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 MAC 2017 (RABU)	
Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	PBT digesa pantau premis di bawah pentadbiran masing-masing
Muka Surat	02

PBT digesa pantau premis di bawah pentadbiran masing-masing

KLANG - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) digesa sentiasa memantau premis di bawah pentadbiran mereka agar tidak menjadi tempat kegiatan jenayah seperti pemerdagangan manusia dan aktiviti pelacuran.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, pihaknya memandang serius aktiviti tersebut memandangkan ter-

dapat banyak premis di bawah pentadbiran PBT yang dijadikan tempat untuk melindungi pendatang asing tanpa izin (PATI) dan lebih teruk lagi jadikan seperti hamba.

"Gabungan semua agensi ini amat penting dalam memastikan rangkaian kesalahan dilakukan pihak tidak bertanggjawab itu dapat kita tangani dengan berkesan.

KOSMO 29/3/17 M/S 02.
"Kita tidak mahu kejadian sebegini berulang apabila majikan kilang sarang burung walet ini menjadikan pekerjaanya macam hamba abdi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada operasi di sebuah kilang memproses dan mengedar sarang burung walet di sini semalam.

Selain MAPO, serbuan semalam turut disertai pasukan polis, Jabatan Imigresen dan Jabatan Tenaga Kerja Selangor.